

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 20 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1522-L09325
Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang menjadi punca nilai mata wang Ringgit Malaysia masih rendah berbanding nilai mata wang USD dan mata wang utama dunia serta apakah usaha bagi mengatasi masalah ini.

2. PN-1522-L09566
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menubuhkan Agensi Makanan Malaysia dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan sebagai agenda nasional dan apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan Kerajaan seperti pemberian insentif kepada pihak yang terlibat dalam pengeluaran makanan.

3. PN-1522-L09429
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam menilai para murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Adakah soalan berunsur KBAT yang disarankan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah diperkenalkan dan apakah impak kepada para pelajar.

4. PN-1522-L09265
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan dan strategi Kementerian untuk menangani isu kapasiti lebih pengambilan graduan perubatan di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan yang mencecah 4,820 pelajar bersamaan 1,000 hingga 2,000 graduan perubatan luar negara yang pulang ke Malaysia setiap tahun. Adakah ini menepati sasaran Kementerian untuk melahirkan hanya 4,000 doktor baharu setiap tahun bagi mencapai nisbah disyorkan seorang doktor bagi setiap 400 orang menjelang 2025.

5. PN-1522-L09424
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam menambah baik dan menguatkuasakan peranannya yang lebih efektif dalam mendekati isu berkaitan pelarian, termasuk perbincangan bersama pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

6. PN-1522-L09254
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah kita perlu menunggu sehingga tahun 2026 untuk memulakan inisiatif Rekod Perubatan Elektronik (EMR) sedangkan banyak negara di dunia telah mempunyai sistem tersebut dan mengapakah projek perintis masih diperlukan.

7. PN-1522-L09019
Tuan Aklan A/L Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan butiran dan berapakah jumlah peruntukan di bawah Belanjawan 2023 yang disediakan untuk pembelajaran bahasa ibunda dan kebudayaan gologan minoriti, termasuk masyarakat Siam. Adakah peruntukan tersebut disediakan dalam bentuk sumbangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mewakili masyarakat Siam iaitu Persatuan Siam Malaysia sebagai badan pelaksana atau ada kaedah lain yang harus masyarakat Siam lakukan untuk memanfaatkan peruntukan tersebut.

8. PN-1522-L09134
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memperluaskan penggunaan mesin kompos penghasilan baja daripada sisa makanan keluaran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) ke seluruh Malaysia.

9. PN-1522-L09796
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah senarai prospek pelaburan digital yang telah dikenal pasti dan apakah sektor yang terlibat di bawah pelaburan yang bernilai RM1 bilion semasa pelancaran Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN) pada 17 April 2023 yang lalu.
10. PN-1522-L09076
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif jangka masa pendek yang telah dilaksanakan bagi menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat Orang Asli selaras dengan tekad Perdana Menteri semasa pmbentangan Bajet 2023 yang lalu.
11. PN-1522-L09606
Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk program dan bantuan kewangan untuk membantu memperkenalkan destinasi produk pelancongan sumber alam semulajadi yang terdapat di Jeli seperti air terjun, sungai yang jernih, terowong lama komunis, terowong perlombongan emas dan lain-lain.
12. PN-1522-L09738
Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Universiti Awam atau cawangan Universiti Awam seperti UiTM di Temerloh memandangkan Temerloh masih belum mempunyai Universiti Awam sedangkan kawasan itu merupakan pusat kebangkitan rakyat dalam menentang penjajah serta titik tengah Semenanjung.
13. PN-1522-L09400
Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pendirian terbaharu pihak Kementerian dalam pelaksanaan penurunan had umur belia melalui Akta Pertubuhan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 668) susulan penangguhan pewartaan had umur belia kepada 35 tahun sebelum ini.
14. PN-1522-L09368
Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sejauh manakah Kementerian memantau peranti-peranti haram yang dijual secara berleluasa di pasaran terbuka dan platform media sosial. Apakah tindakan penguatkuasaan yang tegas akan dikenakan terhadap mereka yang terlibat.

15. PN-1522-L09669
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah strategi untuk memastikan para pemaju perumahan membina lebih banyak rumah mampu milik supaya sepadan dengan kemampuan dan permintaan pembeli di sesuatu lokaliti.
16. PN-1522-L09691
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang dalam isu keterjaminan makanan untuk memastikan kita tidak bergantung kepada import bahan makanan daripada luar negara.
17. PN-1522-L09200
Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik tentang penyalahgunaan bahan dalam kalangan murid-murid sekolah dalam tempoh tiga tahun yang lalu dan apakah pelan jangka panjang Kementerian untuk membendung penyalahgunaan bahan oleh murid-murid sekolah.
18. PN-1522-L09736
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah Kerajaan meneliti semula tarification penggunaan elektrik yang tinggi dan kaedah klasifikasi pengguna berikutan subsidi tarif elektrik bagi kediaman T20 bakal dihapuskan tidak lama lagi.
19. PN-1522-L09310
Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan satu polisi di peringkat Persekutuan berkaitan pelekat Orang Kurang Upaya (OKU) berdaftar agar Pihak Berkuasa Tempatan keseluruhannya dapat mengenal pasti keabsahan pemilik adalah seorang individu OKU kerana pelekat yang ada di pasaran hari ini boleh disalahgunakan oleh orang awam bagi kegunaan petak parkir khas OKU.
20. PN-1522-L09533
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah manfaat yang telah diterima oleh usahawan wanita dalam 10 tahun kebelakangan ini menerusi Kementerian dan apakah perancangan Kementerian untuk menarik minat golongan wanita untuk menceburi bidang keusahawanan.

21. PN-1522-L09052
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan Universiti Malaysia Negeri Sembilan dengan mengambil kira peningkatan jumlah lepasan SPM daripada keluarga miskin luar bandar di negeri tersebut yang layak untuk diberikan peluang pendidikan tinggi tanpa perlu berhijrah ke mana-mana negeri lain.
22. PN-1522-L09174
Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan agar Konsep Perpaduan dan Konsep Malaysia Madani ini dilaksanakan dalam erti kata yang sebenar dan disertai oleh rakyat marhaen di peringkat kampung dan desa.
23. PN-1522-L09801
Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Perayaan Gawai dan Deepavali diwajibkan sebagai cuti umum di negara kita atau pihak majikan yang wajib memberi cuti perayaan selain daripada cuti tahunan kepada kaum Dayak atau kaum India yang ingin pulang ke kampung mereka ketika perayaan.
24. PN-1522-L09712
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan senarai syarikat-syarikat Malaysia yang menyertai rombongan dagang Perdana Menteri ke China baru-baru ini dan syarikat Malaysia yang berjaya menandatangani MoU berserta nilai pelaburan yang berjaya diperolehi syarikat yang terbabit.
25. PN-1522-L09532
Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengkaji semula tempoh menunaikan haji sedia ada sebagai salah satu inisiatif mengurangkan kos memandangkan peningkatan kos yang semakin tinggi yang memberi impak kepada kewangan dan subsidi kerajaan.
26. PN-1522-L09301
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan inisiatif pinjaman mudah kepada penternak ayam melalui Agrobank di bawah Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) berjumlah RM300 juta untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan akibat kenaikan kos pengeluaran yang telah berjaya menstabilkan harga ayam di pasaran tempatan.

27. PN-1522-L09490
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah segera yang boleh dilakukan untuk memastikan harga minyak masak paket (1 kg) tidak dijual melebihi harga yang ditetapkan.
28. PN-1522-L09656
Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah jelas dan tegas Kementerian dalam memastikan penguasaan asas Bahasa Kebangsaan untuk warganegara dan sesiapa yang dipertimbangkan untuk menjadi warganegara seperti peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.
29. PN-1522-L09643
Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakah pelan tindakan Kerajaan untuk mengurangkan jurang pendapatan dan pembangunan di antara negeri miskin dan maju; dan
 - (b) bilakah Malaysia akan mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi.
30. PN-1522-L09466
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan pindaan Perlembagaan yang memansuhkan hukuman mati mandatori kepada mereka yang sedang menunggu hukuman dilaksanakan. Adakah kemungkinan pindaan itu akan mengalakkan penyalahgunaan dadah dan penjenayah melampau akan berlaku.
31. PN-1522-L09207
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengawal dan memantau harga tiket penerbangan domestik yang pada kebanyakan masa adalah mahal dan tidak berpatutan terutamanya bagi Sabah dan Sarawak, terutamanya apabila tiba musim perayaan.

32. PN-1522-L09186
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan Malaysia masih mengimport sejumlah besar produk pertanian seperti beras, gula, dan daging yang menyebabkan kebergantungan kepada produk import dan situasi ini mengganggu kestabilan bekalan produk pertanian di dalam negara. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menangani masalah ini.
33. PN-1522-L09627
Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk pemberian subsidi feri kepada pengguna yang menggunakan perkhidmatan terus dari Kota Kinabalu ke W.P Labuan bagi merencanakan lagi kegiatan ekonomi di W.P Labuan.
34. PN-1522-L09507
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik jumlah permohonan dan pengambilan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia mengikut kaum bermula tahun 2018 ke tahun 2023.
35. PN-1522-L09231
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah keberkesanan Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan 2020-2025 bagi mendepani isu kesihatan mental dan apakah status terkini penubuhan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH).
36. PN-1522-L09576
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah punca bekalan gula tidak mencukupi di pasaran dan langkah catuan terpaksa dilakukan serta langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani isu ini.

37. PN-1522-L09811
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penjelasan di atas kegagalan raih sasaran 40 pingat emas yang ditetapkan pada Sukan SEA Kemboja dan apakah pasca nilai terhadap kontinjen Malaysia yang mencatat pencapaian terburuk dalam sejarah Sukan SEA .
38. PN-1522-L09722
Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengusahakan agar pelantikan jawatan utama negara seperti Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Pengerusi SPR pada masa akan datang melalui saringan Jawatankuasa Khas di Parlimen.
39. PN-1522-L09583
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan dan pencapaian yang diperoleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan menoktahkan kemiskinan tegar untuk tempoh sehingga Mei 2023; dan
 - (b) apakah agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dan peruntukan yang disalurkan.
40. PN-1522-L09088
Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah perbincangan antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah diadakan untuk menyelaraskan data keperluan guru di sekolah.
41. PN-1522-L09477
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) bilangan semasa operasi penangkapan warga asing yang tidak mempunyai permit dan warga asing yang melebihi had tempoh serta jumlah tangkapan yang telah dilakukan sepanjang tahun 2022-2023; dan
 - (b) jumlah kemasukan warga asing di pintu masuk negara yang mana paling tinggi dan paling rendah supaya lambakan warga asing yang memasuki negara ini secara haram atau melebihi had tempoh dapat dibendung secara meluas.

42. PN-1522-L09357
Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi dan dasar yang diambil bagi meningkatkan prestasi sukan negara secara komprehensif susulan kegagalan pungutan sasaran pingat di temasya Sukan SEA Kemboja 2023.
43. PN-1522-L09064
Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam menyelesaikan isu doktor kontrak agar mereka terus terbela kerana perkhidmatan kesihatan adalah suatu perkhidmatan yang kritikal serta membabitkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat.
44. PN-1522-L09141
Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah pembasmian kemiskinan tegar yang sedang dilaksanakan menerusi peranan bersepadu yang dimainkan oleh agensi-agensi berkaitan Kementerian dan bagaimanakah setiap langkah yang dilaksanakan tersebut berupaya meningkatkan pendapatan rakyat yang berada di bawah garis kemiskinan terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak.
45. PN-1522-L09525
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian menjalankan kajian impak terhadap keberkesanan pelaksanaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) serta dari segi kesediaan dan hasil pencapaian murid di sekolah.
46. PN-1522-L09126
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan Kementerian untuk :-
- (a) merancang ekosistem kenderaan elektrik (EV) seperti pusat servis, harga alat gantian, dan stesen pengecasan; dan
 - (b) menyediakan insentif yang diperlukan bagi menarik minat rakyat dan sektor industri untuk berhijrah kepada penggunaan kenderaan elektrik.
47. PN-1522-L09666
Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan wanita bekerja memandangkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita hanya 55.9% pada hujung tahun 2022, jauh lebih rendah daripada negara-negara maju dan negara-negara jiran.

48. PN-1522-L09329
Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan membendung isu budaya membeli undi semasa kempen pilihan raya terutamanya bagi kawasan pinggir dan luar bandar yang masih lagi berleluasa dan berlaku pada masa ini.
49. PN-1522-L09058
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah pewujudan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan Malaysia Madani 2023 berupaya menjadi pendorong kepada kemajuan kanak-kanak daif yang selama ini tersisih daripada akses pendidikan formal serta bantuan kebajikan.
50. PN-1522-L09748
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan dan perancangan Kementerian dalam usaha mempromosikan Putrajaya sebagai sebuah destinasi yang terkenal di mata dunia.
51. PN-1522-L09031
Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos sebenar yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mengadakan Rumah Terbuka Aidilfitri 2023 yang juga telah dihadiri oleh Perdana Menteri di enam negeri yang akan mengadakan PRN selepas Jun ini.
52. PN-1522-L09387
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pencerobohan ruang udara negara oleh pesawat asing bermula Januari 2023 hingga sekarang secara spesifik.
53. PN-1522-L09013
Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan terkini Kerajaan bagi menambah baik kaedah pelupusan sampah/sisa pepejal dan adakah perancangan tersebut termasuk penggunaan 'incinerator' secara berpusat.

54. PN-1522-L09159
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengenai perkembangan teknologi digitalisasi pertanian di Malaysia. Apakah perancangan Kementerian dalam teknologi pertanian digital bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pertanian, serta mengurangkan kos produksi.
55. PN-1522-L09287
Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah pelan tindakan bagi memantapkan lagi Pusat Internet Komuniti supaya lebih bersesuaian dengan keperluan semasa negara dan juga komuniti setempat, sejajar dengan konsep Malaysia Madani.
56. PN-1522-L09702
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah libat urus dalam kalangan semua pemegang taruh telah dan akan diadakan berkaitan isu pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).
57. PN-1522-L09260
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes jenayah komersial yang telah didakwa atau masih dalam siasatan untuk tahun 2022. Mengikut laporan The Star Online, 24 Mei 2023, kes-kes tersebut telah meningkat kepada 82.7% pada tahun ini berbanding pada tahun 2022 dengan anggaran kerugian sebanyak RM53 juta di Pulau Pinang.
58. PN-1522-L09047
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah usaha dan tindakan Kementerian untuk menurunkan harga kereta Perodua Myvi sekitar RM25,000 tidak termasuk cukai seperti yang dijanjikan.
59. PN-1522-L09729
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan senarai pembangunan infrastruktur sukan di negeri Terengganu yang sedang dilaksanakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan ketika ini.
60. PN-1522-L09195
Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kerajaan untuk memastikan tiada penindasan gaji dilakukan oleh majikan di Malaysia.

61. PN-1522-L09394
Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah penyelesaian yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu melibatkan seramai 180,680 atau 48.74% pelajar lepasan SPM untuk sesi persekolahan 2021 yang memilih untuk tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dan berapakah jumlah yang melibatkan lepasan SPM di negeri Perlis.
62. PN-1522-L09677
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah data terkini melibatkan kes penipuan urusan jual beli dalam talian berserta jumlah wang yang terlibat dan perancangan untuk melindungi para pengguna daripada terus menjadi mangsa penipuan.
63. PN-1522-L09415
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian rasmi terhadap golongan Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender (LGBT). Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menerima dan memahami mereka sebagai satu kumpulan tersendiri.
64. PN-1522-L09070
Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperkasakan kembali kewujudan Sekolah Wawasan sebagai salah satu langkah bagi memupuk perpaduan yang erat serta menyingkirkan sikap diskriminasi dan prejudis daripada setiap kaum di Malaysia.
65. PN-1522-L09592
Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan atlet negara yang merupakan produk sekolah-sekolah sukan mengikut kajian Kementerian.
66. PN-1522-L09373
Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah tiga masalah ekonomi paling serius yang Malaysia hadapi bersama-sama dengan strategi serta merta, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang bukan sahaja untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi tersebut tetapi menjadikan ia satu peluang yang boleh memacu pembangunan negara.

67. PN-1522-L09502
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status pembinaan Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri di Gua Musang dan kesannya kepada penempatan Orang Asli apabila projek ini dijalankan.
68. PN-1522-L09239
Datuk Bobbey Bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian merancang untuk membantu rakyat yang telah bersara dan mencegah kemiskinan hari tua memandangkan mereka telah mengeluarkan wang simpanan KWSP semasa pandemik.
69. PN-1522-L09773
Datuk Paul Igai minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pandangan Malaysia terhadap penubuhan 'Asian Infrastructure Investment Bank' (AIIB) dan apakah projek yang telah dan akan dimohon untuk dilaksanakan melalui AIIB.
70. PN-1522-L09123
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pengoperasian, sasaran utama dan pencapaian terkini Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan sejak dilancarkan pada bulan Oktober 2022.
71. PN-1522-L09380
Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah peranan dan tindakan agresif Kementerian mengatasi masalah pertanian dan hasil tuaian oleh golongan petani dalam menghadapi fenomena El Nino.
72. PN-1522-L09754
Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk melaksanakan Skim Simen Rahmah di Sarawak bagi mengatasi masalah harga simen yang mahal kerana telah dimonopoli oleh sebuah syarikat di Sarawak.
73. PN-1522-L09771
Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengurangkan kadar sewa untuk premis Kerajaan yang menyediakan Program Menu Rahmah agar inisiatif tersebut dapat diteruskan.

74. PN-1522-L09437
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah sebarang kajian kesan penarikan subsidi elektrik telah dilakukan oleh pihak Kementerian sebelum pengumuman Menteri. Adakah ia akan diaplikasikan kepada bangunan perumahan dan juga komersial. Jika kedua-duanya sekali, adakah Kementerian telah mempertimbangkan kemungkinan tindakan ini akan menyebabkan peningkatan harga kos barang jika diaplikasikan pada bangunan komersial.
75. PN-1522-L09713
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi meningkatkan Pelaburan Langsung Domestik (DDI) yang lebih agresif.
76. PN-1522-L09118
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sebab-sebab yang mengakibatkan pencapaian terburuk Kontinjen Malaysia dalam sejarah Sukan SEA.
77. PN-1522-L09753
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan skim pembiayaan bagi pemasangan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti solar kepada pengguna domestik.
78. PN-1522-L09461
Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian melakukan audit terhadap ijazah-ijazah yang ditawarkan oleh pihak universiti bagi memastikan ijazah yang ditawarkan menepati permintaan sektor pekerjaan zaman sekarang bagi menjamin masa depan pelajar universiti.
79. PN-1522-L09342
Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah masalah pengangguran dalam kalangan rakyat Malaysia boleh dibendung jika pengambilan pekerja asing masih berleluasa yang telah menutup peluang pekerjaan dan perniagaan untuk rakyat tempatan dalam sektor-sektor tertentu.

80. PN-1522-L09694
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bahawa kadar makanan bermasak bagi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) telah ditambah dari RM625 juta kepada RM777 juta tahun ini bagi menampung kos menyediakan makanan berkhasiat kepada murid-murid. Namun persoalannya, penambahan ini melibatkan sama ada bilangan pelajar penerima atau kualiti hidangan makanan ketika waktu rehat.
81. PN-1522-L09322
Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyediakan skim pembiayaan perumahan kepada golongan sasaran OKU bagi mengatasi masalah pembiayaan rumah mampu milik daripada pihak perbankan.
82. PN-1522-L09817
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program yang dilaksanakan untuk melahirkan belia yang celik demokrasi dan sedar peranan mereka dalam membina sebuah negara bangsa.
83. PN-1522-L09349
Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh Kementerian kepada orang awam mengenai organisma ubah suai genetik (GMO) yang membabitkan makanan dan produk pertanian.
84. PN-1522-L09634
Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-
- (a) bolehkah Kerajaan senaraikan sektor dan industri yang dikenal pasti mempunyai kuasa monopoli dan kartel; dan
 - (b) adakah Kerajaan komited dalam membanteras kuasa monopoli demi memelihara kepentingan pengguna.
85. PN-1522-L09007
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pengadaptasian teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pengendalian Pilihan Raya Negeri kelak akan dipertimbangkan oleh SPR sebagai usaha rintis Madani untuk memodenkan kaedah pengelolaan pilihan raya yang boleh mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manusia.

86. PN-1522-L09037
Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah jumlah terkini perniagaan yang berdaftar dengan pihak Kementerian untuk menyertai inisiatif Menu Rahmah. Adakah ia terdapat peningkatan atau terdapat juga peniaga menarik diri daripada menyertai inisiatif ini sejak ia dilancarkan. Sekiranya ada, apakah punca ia berlaku.
87. PN-1522-L09153
Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah perbelanjaan dan pendapatan penganjuran LIMA 2023 dan adakah tempat penganjuran boleh diadakan mengikut giliran antara wilayah dalam Malaysia seperti Semenanjung, Sabah dan Sarawak.
88. PN-1522-L09749
Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meletakkan Pejabat Pendakwa Raya di bawah institusi Parlimen.
89. PN-1522-L09189
Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan jangka masa panjang Kementerian untuk memastikan wujud pelapis dalam setiap kepakaran memandangkan ramai pegawai perubatan kontrak termasuk mereka yang dilantik secara tetap meletak jawatan.
90. PN-1522-L09295
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes penderaan wanita dan kanak-kanak di seluruh negara pada tahun 2020 sehingga kini dan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk menangani kes penderaan wanita dan kanak-kanak ini.
91. PN-1522-L09560
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membangunkan kawasan sempadan Malaysia-Thailand di negeri Perak terutamanya bagi aktiviti ekonomi yang berasaskan pertanian dan industri halal.

92. PN-1522-L09392
Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi mengatasi isu kekurangan bekalan buah-buahan seperti nanas dan tembikai susulan gelombang haba dan cuaca tidak menentu yang menjejaskan ladang di negara ini dan sejauh manakah kerugian pengeluaran buah-buahan telah dicatatkan sejak penularan gelombang haba ini berlaku.
93. PN-1522-L09041
Datuk Razali bin Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah status siasatan terhadap dakwaan penyelewengan hampir RM600 bilion dana COVID-19 oleh Pengerusi Perikatan Nasional semasa menjadi Perdana Menteri.
94. PN-1522-L09409
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah isu perniagaan secara haram yang dilakukan oleh warga asing dilihat seolah-olah tiada kesudahan dan apakah tindakan Kementerian dalam menerajui agensi dan Kementerian lain bagi membanteras aktiviti yang jelas merugikan ekonomi negara.
95. PN-1522-L09213
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah kejayaan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dalam mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan harian rakyat.
96. PN-1522-L09112
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berkenaan dengan siasatan SKMM baru-baru ini ke atas seorang aktivis yang mengkritik lawatan Perdana Menteri ke Arab Saudi, apakah justifikasi siasatan tersebut yang dikatakan mempunyai elemen intimidasi, dan mohon Menteri jelaskan prosedur dan garis panduan siasatan SKMM.
97. PN-1522-L09379
Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah nilai eksport nanas bagi tempoh 5 tahun yang lepas dan apakah peratusan yang dieskport dari Sarawak.

98. PN-1522-L09518

Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas ke 3.0% pada awal bulan Mei telah membantu mengawal kadar inflasi setakat ini; dan
- (b) apakah kesan-kesan langsung peningkatan OPR terhadap isi rumah yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan dan bagaimana Kerajaan berhasrat untuk menangani kesan-kesan ini agar kenaikan ini tidak membebankan rakyat.

99. PN-1522-L09575

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik majikan yang masih gagal melaksanakan penyelarasan gaji minimum sebanyak RM1,500 sebulan sejak ia dikuatkuasakan sepenuhnya termasuk usahawan mikro pada hujung tahun 2022.

100. PN-1522-L09248

Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah strategi untuk menangani fenomena hubungan seks yang tidak sihat dalam kalangan remaja. Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 menunjukkan 154,646 remaja di Malaysia pernah melakukan hubungan seks dan 33% mula berhubung seks sebelum umur 14 tahun.

101. PN-1522-L09483

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan Sarawak sebagai tuan rumah kepada Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) pada masa akan datang memandangkan industri halal boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Sarawak.

102. PN-1522-L09025

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan langkah 'memujuk' para dermawan dan jutawan agar tampil membalas budi negara secara langsung dan tidak langsung sepertimana Kerajaan meminta Tan Sri Syed Mokhtar untuk mewujudkan program membalas budi ini secara kekal, telus dan komprehensif agar lebih ramai dermawan berpeluang untuk menyertai program ini.

103. PN-1522-L09685

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan perancangan Kerajaan untuk mempromosikan Sarawak khususnya kepada warganegara Indonesia memandangkan penerbangan terus Jakarta-Kuching bermula pada 15 Jun 2023.

104. PN-1522-L09222

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam mengawasi sempadan negara khususnya di antara Kalimantan dan Sabah. Hal ini kerana ibu kota Indonesia yang baharu akan berpindah secara berperingkat ke Kalimantan Timur menjelang tahun 2024.

105. PN-1522-L09199

Datuk John Ambrose minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah komitmen Kementerian untuk memastikan liputan jalur lebar yang menyeluruh dan stabil di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dapat direalisasikan.

106. PN-1522-L09614

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) apakah punca masalah bekalan air di W.P. Labuan; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan bagi menangani masalah bekalan air di W.P. Labuan.

107. PN-1522-L09165

Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah polisi-polisi yang digunakan oleh Kerajaan untuk membangunkan sesuatu kawasan dengan jalan raya berturap yang mencapai ratusan malah ribuan kilometer ke kawasan-kawasan tertentu di pedalaman. Adakah Kerajaan bersedia dengan tekad politik untuk mengubah polisi sedia ada agar kawasan-kawasan pedalaman yang dilihat kurang berpenduduk tidak dibiarkan terus mundur tanpa pembangunan infrastruktur jalan raya.

108. PN-1522-L09100

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah mekanisme Kementerian untuk mengatasi masalah lambakan permohonan yang ingin mendapatkan lesen kontraktor kelas G1 dan pada masa yang sama setiap kontraktor perlu bersaing bagi mendapatkan kontrak kerja.

109. PN-1522-L09284

Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan senarai pelabur asing yang telah melabur di Sarawak secara langsung dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu dan berapakah jumlah keseluruhan pelaburan tersebut.

110. PN-1522-L09233

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini pelan pelaksanaan latihan TVET secara besar-besaran di negara ini seperti yang diuar-uarkan oleh Kementerian baru-baru ini.

111. PN-1522-L09784

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah segera Kerajaan untuk memulih dan memperkukuhkan nilai Ringgit Malaysia yang semakin jatuh.

112. PN-1522-L09695

Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) sejauh mana keberkesanan inisiatif bagi meningkatkan produktiviti kawasan MADA, KADA dan IADA yang masih aktif dalam pengeluaran padi negara; dan

- (b) apakah teknologi terkini yang sedang diguna pakai atau yang bakal diperkenalkan di kawasan berkenaan untuk memperkasakan produktiviti pengeluaran padi di kawasan tersebut.

113. PN-1522-L09545

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah lagi penganjuran acara berprestij seperti LIMA 2023.

114. PN-1522-L09599

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan bahasa kebangsaan dimartabatkan dan diguna pakai dalam pembelajaran dan pengajian di universiti dan kolej swasta seluruh negara.

115. PN-1522-L09346

Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan pertambahan penduduk di kawasan pinggir bandar dan luar bandar, bagaimanakah pihak Kementerian dapat mengurus dan menangani isu pertambahan sampah sarap dan berapakah peruntukan yang signifikan untuk usaha-usaha ini terutamanya di negeri Sabah.

116. PN-1522-L09549

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan intervensi Kementerian bagi mengelakkan golongan belia bergantung sepenuhnya kepada ekonomi gig dan langkah Kementerian untuk membuka ruang kepada belia ini mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

117. PN-1522-L09289

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pertimbangan Kerajaan terhadap penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan Negara bagi membolehkan pengurusan lebih terancang khususnya untuk meningkatkan jumlah perjawatan serta elaun pekerja tanpa perlu melalui proses penyelarasan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

118. PN-1522-L09664
Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik terkini pelancong-pelancong asing yang memasuki negara. Apakah promosi-promosi yang dianjurkan oleh pihak Kementerian bagi merencanakan lagi industri pelancongan negara.
119. PN-1522-L09513
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian Kerajaan berhubung pelaksanaan Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI); dan
 - (b) jika akan dilaksanakan, adakah Kerajaan akan meletakkan pelaksanaan Pelan Tindakan Masyarakat India di bawah Pejabat Perdana Menteri atau di bawah Jawatankuasa Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India.
120. PN-1522-L09177
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk berkolaborasi dengan negara-negara lain atau dengan badan antarabangsa dalam usaha untuk menambah sumber tenaga dan mengurangkan kesan negatif akibat perubahan iklim.
121. PN-1522-L09372
Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha dan tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mewujudkan persekitaran seni tanaman (landskap) yang cantik dan indah di negeri Perlis yang secara keseluruhannya terletak di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
122. PN-1522-L09471
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kementerian dalam penggunaan Bahan Api Penerbangan Mampam (SAF) kepada syarikat-syarikat penerbangan komersial supaya dapat diperluaskan memandangkan Sarawak giat mengusahakan tenaga mampam sebagai satu sumber pendapatan yang baharu.

123. PN-1522-L09083

Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat sebarang bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan B40 yang memiliki pinjaman perumahan khususnya mereka yang membeli rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat yang terbeban akibat daripada kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR).

124. PN-1522-L09151

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan signifikan pengurangan LIMA 2023 yang diadakan pada bulan Mei yang lalu terhadap sosioekonomi setempat khususnya terhadap aktiviti perniagaan yang melibatkan logistik serta pengangkutan awam darat.

125. PN-1522-L09496

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada wujud perancangan bagi memperuntukkan dana khas untuk Masyarakat Orang Asli khususnya dalam bidang pertanian dan pembuatan.

126. PN-1522-L09621

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan Malaysia di Laut China Selatan.

127. PN-1522-L09219

Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini perancangan untuk mengurangkan nisbah guru dan murid terutamanya di sekolah rendah dan apakah kaedah-kaedah yang dicadangkan untuk mencapai tujuan tersebut.

128. PN-1522-L09094

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengkaji semula Dasar Pembangunan Belia Negara kerana saya difahamkan Model Baharu Pembangunan Belia 2030 (MBPB) akan diteruskan pada tahun ini. Sejauh manakah perkembangan pelan tersebut, adakah ia telah dilaksanakan ataupun belum.

129. PN-1522-L09783

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berkaitan perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Pertubuhan Peladang dengan sebuah syarikat di Arab Saudi bersempena Minggu Pertanian Lestari (SAW) yang dianjurkan Ekspo Dubai 2020.

130. PN-1522-L09648

Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah dengan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dapat menyelesaikan masalah inflasi sedangkan masyarakat sering merungut tentang beban kewangan yang dihadapi mereka kerana kos sara hidup tidak setimpal dengan pendapatan yang diperolehi.

131. PN-1522-L09604

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan mengenai hasil kajian tentang perancangan Kerajaan membenarkan komuniti pelarian dan pencari suaka di Malaysia bekerja di sektor perladangan sebagai usaha menangani isu kekurangan tenaga kerja di sektor tersebut.

132. PN-1522-L09441

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam membantu syarikat-syarikat milik Kerajaan untuk mendapat kontrak dan peluang-peluang perniagaan di luar negara.

133. PN-1522-L09448

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status penggubalan RUU Perubahan Iklim. Apakah yang boleh dijangka akan menjadi skop dan bidang kuasa di bawah undang-undang ini.

134. PN-1522-L09540

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan masih komited untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah dan juga berkualiti bagi membantu golongan B40 dan apakah sasaran tahunan Kementerian dalam pembinaan rumah-rumah ini.

135. PN-1522-L09137

Datuk Noraini binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan signifikan penubuhan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan bagaimanakah penubuhan pasukan petugas khas tersebut berupaya mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap kredibiliti perkhidmatan awam yang terpalit dengan ragam birokrasi yang menyulitkan sejak sekian lama.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | |
|----|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 15/2023) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No.2) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 2. | (D.R. 16/2023) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R. 17/2023) Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R. 22/2023) Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi] | |
| 5. | (D.R. 18/2023) Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim] | |
| 6. | (D.R. 19/2023) Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim] | |
| 7. | (D.R. 20/2023) Rang Undang-Undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi Dan Digital] | |